



**Persepsi Mahasiswa Kolej Universiti Islam
Antarabangsa Selangor (KUIS) Dan Kolej
Universiti Bestari (UCB) Terhadap Perkara 152,
Perlembagaan Malaysia**

**Perlembagaan
Malaysia**

**Selangor International Islamic University College (KUIS)
and University College Bestari (UCB) Students'
Perceptions Towards Article 152, Malaysian
Constitution**

85

Submitted: 31 July 2022
Revised: 23 August 2022
Accepted: 7 September 2022
E-Published: 31 October 2022

AYU NOR AZILAH MOHAMAD
Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan
Pusat Pengajian Teras
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bangi, Selangor
ayunorazilah@kuis.edu.my

WAYU NOR ASIKIN MOHAMAD (Corresponding Author)
Jabatan Pengajian Bahasa,
University College Bestari, Terengganu
wayu@ucbestari.edu.my

ABSTRAK

Bahasa Melayu ialah Bahasa Kebangsaan di Malaysia. Bahasa Melayu termaktub Perkara 152 dalam Perlembagaan Malaysia. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dikukuhkan dengan Akta Bahasa Kebangsaan 1967. Artikel ini membincangkan tentang persepsi mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Kolej Universiti Bestari (UCB) terhadap Perkara 152, Perlembagaan Malaysia. Objektif kajian adalah untuk mengkaji tahap pengetahuan tentang sejarah kedudukan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan melihat tahap pemahaman mahasiswa tentang peranan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan di Malaysia. Untuk itu, satu kajian dijalankan ke atas 100 orang mahasiswa di KUIS dan UCB menggunakan metodologi kajian kuantitatif iaitu edaran borang soal selidik dengan kaedah pensampelan secara rawak. Dapatan kajian dianalisis menggunakan *Statistical Package For Social Science* (SPSS) versi 26. Hasil kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan dan pemahaman mahasiswa terhadap Perkara 152 berada tahap sangat tinggi dengan min keseluruhan ialah 4.357 serta sisihan piawai 0.724. Ini membuktikan bahawa mahasiswa mengetahui sejarah dan memahami peranan bahasa Melayu yang sekaligus menjelaskan patriotisme terhadap bahasa negara. Benarlah slogan 'Bahasa Jiwa Bangsa.'

Kata kunci: Perkara 152, Perlembagaan Malaysia, KUIS, UCB, Mahasiswa





ABSTRACT

Malay Language is the National Language of Malaysia. The Malay language is enshrined in Article 152 of the Malaysian Constitution. The position of the Malay language as an official language was strengthened by the National Language Act 1967. This article is focused on the perception of the students of Seangor International Islamic University College (KUIS) and University College Bestari (UCB) towards Article 152 of the Malaysian Constitution. The objective of the study is to examine the level of knowledge on the history of the Malay language position as the National Language and to observe the level of students' understanding of the role of the Malay language as the language of unity in Malaysia. Hence, a qualitative method study was conducted by randomly distributed questionnaires among 100 KUIS and UCB students. The findings of the study were analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 26. The results of the study found that the level of students' knowledge and understanding of Article 152 was very high with an overall mean of 4.357 and a standard deviation of 0.724. This proves that students are aware of the history dan understand the role of the Malay language. At the same time, this study indicates the patriotism spirit towards the national language. Indeed, the slogan '*Bahasa Jiwa Bangsa*' is true.

Keywords: Article 152, Malaysian Constitution, KUIS, UCB, Students

PENGENALAN

Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan menjelaskan bahawa bahasa Melayu yang dikenali juga sebagai bahasa Malaysia adalah bahasa rasmi yang tidak boleh dipertikai fungsi dan peranannya sebagai Bahasa Kebangsaan. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dimantapkan dengan Akta Bahasa Kebangsaan 1967. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan walau bagaimanapun tidak menafikan kedudukan dan hak bahasa lain untuk digunakan, dipelajari dan dikembangkan sekalipun dengan menggunakan dana awam. Kewujudan Perkara 152 tidak boleh dipadam kerana Perkara 159(5) menetapkan bahawa perkenan Majlis Raja-Raja diperlukan sekiranya Perkara 152 hendak dipinda (Malaysia, 2017).

Sejarah membuktikan bahawa nilai bahasa Melayu telah menampilkan status *lingua franca* atau bahasa komunikasi utama sejak zaman kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 dulu. Bahasa Melayu telah digunakan secara meluas dalam bidang perdagangan dan hubungan diplomatik. Permuafakatan pelbagai kaum juga dapat dirakamkan dalam bentuk dokumen tertinggi dan luhur, iaitu dalam Perlembagaan Negara yang berdasarkan Perkara 152, sebagai bahasa bagi Malaysia yang merdeka. Jelas bahawa nilai bahasa Melayu telah memperoleh pengiktirafan semua kaum sebagai bahasa cerminan bangsa Malaysia (Abdullah Sani Yahaya, 2003). Nilai bahasa Melayu turut dikongsi serta dinikmati bersama ke arah pencapaian matlamat perpaduan yang tulen.



OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah untuk mengkaji tahap pengetahuan tentang sejarah kedudukan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan melihat tahap pemahaman mahasiswa tentang peranan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu edaran borang soal selidik kepada 100 orang mahasiswa KUIS dan UCB yang dipilih secara rawak. Responden kajian dikehendaki untuk menyatakan tahap persetujuan mereka berdasarkan skala likert lima mata iaitu 1 (Sangat Tidak Setuju), 2 (Tidak Setuju), 3 (Tidak Pasti), 4 (Setuju) dan 5 (Sangat Setuju). Hasil dapatan kajian dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 26.0 bagi mendapatkan nilai skor min, peratusan, kekerapan dan sisihan piawai.

SOROTAN KAJIAN

Terdapat banyak kajian tentang bahasa Melayu. Antaranya ialah artikel Adenan Ayob (2009) menghuraikan tentang nilai bahasa Melayu sebagai penggerak budaya perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum. Hal ini kerana Bahasa Melayu sangat dekat dengan masyarakat. Pelbagai program dilaksanakan bagi memantapkan pemahaman dalam meningkatkan perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk. Seterusnya, kajian oleh S. Kumaran (2008) yang mengupas tentang bahasa Melayu sebagai wahana perpaduan di Malaysia. Bahasa menjadi elemen penting dalam pembinaan bangsa dan negara.

Seterusnya, kajian bertajuk Pengukuhan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Perpaduan di Institusi Pengajian Tinggi Swasta oleh Noor Azmira dan Nor Azlili Hassan (2019). Kajian ini membincangkan isu penggunaan bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi swasta dan menganalisis faktor kelemahan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar universiti swasta. Hasil dapatan kajian daripada 100 orang responden mendapati bahawa tahap pengukuhan pelajar di universiti swasta terhadap bahasa Melayu berada pada tahap sederhana. Terdapat beberapa faktor antaranya ialah pelajar mengutamakan bahasa Inggeris, kurang kefasihan dalam bahasa Melayu, kurang kerjasama dan usaha dalam kalangan pensyarah termasuk pihak pengurusan universiti, kurang menitikberatkan maksud perlembagaan dan kekurangan keyakinan terhadap status bahasa Melayu.

Selain itu, kajian Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Adlina Ab Halim, Ku Hasnita Ku Samsu (2017) bertajuk Pengukuran Tahap Pemartabatan Bahasa Kebangsaan dalam kalangan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi. Dapatan kajian memperoleh tahap pemartabatan bahasa kebangsaan adalah sederhana. Malah mahasiswa fasih dan mengiktiraf bahasa kebangsaan namun tahap kefasihan serta pengiktirafan tidak terlalu tinggi. Ini termasuk mereka belum sepenuhnya menguasai kemahiran bersajak, berpantun dan menggunakan peribahasa.



Berdasarkan sorotan kajian, tiada kajian yang menjurus kepada persepsi mahasiswa KUIS dan UCB. Oleh itu, kajian ini akan menambahkan lagi kajian terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

SOROTAN SEJARAH BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEBANGSAAN

Malaysia mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, serentak dengan itu, Perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan 1957 telah menetapkan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi bagi Persekutuan. Pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bagi negara ini dapat dilihat melalui pendapat Za'ba (Adnan Hj. Nawang, 2003) dalam tulisannya bertajuk "Bahasa Kebangsaan Malaya Sa-Lepas Merdeka". Dalam tulisan tersebut, Za'ba telah memberikan enam sebab mengapa bahasa Melayu dipilih menjadi bahasa kebangsaan bagi Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Sebab-sebab tersebut ialah, Tanah Melayu ialah negeri orang Melayu; bahasa Melayu ialah bahasa tulen negeri ini; bahasa Melayu adalah bahasa perantaraan negeri ini; bahasa Melayu adalah bahasa yang hidup dan berkembang mengikut peredaran zaman; bahasa Melayu telah menjadi bahasa republik Indonesia dan bahasa Melayu adalah bahasa yang mudah (Za'ba, 1956). Walau apapun sebab yang diberikan, pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan adalah tepat dan bersesuaian sekiranya diteliti melalui sejarah dan latar belakang penduduk di Tanah Melayu sendiri (Sharifah Damia Sharif Adam, 2014).

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini melibatkan 100 orang mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Kolej Universiti Bestari (UCB) untuk melihat persepsi mahasiswa terhadap bahasa Melayu iaitu Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Responden ini dipilih secara rawak. Demografi responden yang diperoleh adalah seperti berikut;

Demografi Responden

Jadual 1: Jantina

Jantina		
	Kekerapan	Peratusan
Lelaki	44	44.0
Perempuan	56	56.0
Jumlah	100	100.0

(Sumber: Ayu Nor Azilah dan Wayu Nor Asikin, 2022)

Jadual 1 di atas menunjukkan jantina responden. 44 peratus bersamaan dengan 44 orang adalah lelaki dan 56 peratus atau 56 orang responden adalah perempuan.



Jadual 2: Etnik

Etnik		
	Kekerapan	Peratusan
Melayu	97	97
India	1	1
Lain-lain	2	2
Jumlah	100	100

(Sumber: Ayu Nor Azilah dan Wayu Nor Asikin, 2022)

Jadual 2 di atas menunjukkan dapatan kajian tentang etnik responden. Majoriti responden adalah etnik Melayu iaitu 97 orang bersamaan 97 peratus. Satu (1) orang etnik India (1 peratus) dan Lain-lain etnik iaitu Siam dan Kadazan Dusun sejumlah dua orang bersamaan dua peratus.

Jadual 3: Umur

Umur		
	Kekerapan	Peratusan
18-20 tahun	36	36.0
21-22 tahun	54	54.0
23-24 tahun	9	9.0
25 tahun dan ke atas	1	1.0
Jumlah	100	100.0

(Sumber: Ayu Nor Azilah dan Wayu Nor Asikin, 2022)

Jadual 3 di atas menunjukkan dapatan tentang umur responden. Umur 21-22 adalah paling ramai iaitu 54 orang atau 54 peratus. Ini diikuti dengan umur 18-20 tahun sejumlah 36 orang bersamaan 36 peratus. Manakala umur 23-24 tahun seramai 9 orang responden (9 peratus) dan umur 25 tahun dan ke atas hanya satu (1) orang responden (1 peratus).

Jadual 4: Tahun Pengajian

Tahun Pengajian		
	Kekerapan	Peratusan
Tahun 1	47	47.0
Tahun 2	33	33.0
Tahun 3	11	11.0
Tahun 4	9	9.0
Jumlah	100	100.0

(Sumber: Ayu Nor Azilah dan Wayu Nor Asikin, 2022)

Jadual interpretasi data berikut dibuat bagi penetapan tahap untuk mengukur persepsi mahasiswa KUIS dan UCB terhadap Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Hal ini kerana data kajian dikutip melalui soal selidik dengan menggunakan lima skala Likert maka dikira amat sesuai jika interval min daripada analisis deskriptif digunakan



bagi mengukur persepsi mahasiswa. Nilai min skala lima Likert dibahagi kepada lima mata mengikut tahap seperti berikut:

Jadual 5: Nilai Min Mengikut Skala Lima Likert

Nilai Min	Interpretasi
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

(Sumber: Tschannen-Moran, M. & Gareis, C.R., 2004)

Jadual 6: Saya tahu Bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan di Malaysia

	Pernyataan	Skala					Jumlah	Min	SP	Tahap	
		1	2	3	4	5					
1	Saya tahu Bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan di Malaysia.	Kekerapan	1	0	0	23	76	100	4.730	0.566	Sangat Tinggi
		Peratusan (%)	1	0	0	23	76				

Skala: 1 Sangat Tidak Setuju, 2 Tidak Setuju, 3 Kurang Setuju, 4 Setuju, 5 Sangat Setuju

(Sumber: Ayu Nor Azilah dan Wayu Nor Asikin, 2022)

Seterusnya, Jadual 6 menunjukkan dapatan tentang saya tahu bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan di Malaysia yang memperoleh min 4.730 dengan sisihan pawaiian 0.566 berada tahap sangat tinggi. Ini menjelaskan bahawa responden mengetahui kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Pada era kemerdekaan Malaysia, Tunku Abdul Rahman iaitu Perdana Menteri pertama memperkenalkan istilah “Bahasa Malaysia” sebagai nama untuk bahasa kebangsaan Malaysia kerana terpengaruh dengan negara jiran Indonesia. Kemudiannya istilah ini diguna pakai secara meluas. Pada masa itu, wujud semacam persetujuan ramai terhadap istilah Bahasa Malaysia. Namun, Perlembagaan Malaysia tidak berubah. Pada tahun 1986, istilah “Bahasa Malaysia” ditukar kepada “Bahasa Melayu”. Penukaran ini dibuat selaras dengan apa yang termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia iaitu “Bahasa Kebangsaan ialah Bahasa Melayu” (https://ms.wikipedia.org/wiki/Bahasa_Melayu_Malaysia).

Pada tahun 1967, DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong, Tuanku Ismail Nasiruddin Shah ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin Muazzam Shah III berkenan mengisytiharkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara yang tunggal bagi Persekutuan Malaysia. Perisytiharan ini adalah ekoran daripada tindakan Parlimen yang telah meluluskan Rang Undang-Undang Bahasa Kebangsaan dalam sidang yang berlangsung pada bulan Mac 1967. Dalam warkah perisytiharan melalui titah Diraja

yang disiarkan melalui radio dan televisyen, baginda mensifatkan pendaulatan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi yang tunggal merupakan permulaan suatu zaman baru dalam sejarah kemerdekaan negara ini. Baginda telah menyeru seluruh rakyat supaya mengguna dan memajukan bahasa Melayu dengan bersungguh-sungguh sebagai bahasa rasmi negara ini (<https://hariinidalamsejarah.com/peristiwa/detail/5530-bahasa-melayu-diisytihar-sebagai-bahasa-rasmi-negara.html>).

Jadual 7: Saya akur bahasa Melayu sebagai lambang jati diri warga Malaysia

	Pernyataan		Skala					Jumlah	Min	SP	Tahap
			1	2	3	4	5				
2	Saya akur bahasa Melayu sebagai lambang jati diri warga Malaysia.	Kekerapan	1	0	1	29	69	100	4.650	0.609	Sangat Tinggi
		Peratusan (%)	1	0	1	29	69	100			

Skala:1 Sangat Tidak Setuju, 2 Tidak Setuju, 3 Kurang Setuju, 4 Setuju, 5 Sangat Setuju
 (Sumber: Ayu Nor Azilah dan Wayu Nor Asikin, 2022)

Jadual 7 menunjukkan dapatan saya akur bahasa Melayu sebagai lambang jati diri warga Malaysia dengan min 4.650 iaitu tahap sangat tinggi. Bahasa Melayu yang merupakan bahasa rasmi, bahasa kebangsaan dan sebagai bahasa pengantar utama adalah lambang jati diri warganegara dan sebagai lambang negara Malaysia di persada dunia. Bahasa Melayu berperanan sebagai perakuan kejatidiran bangsa Malaysia demi memenuhi maksud kemajuan mengikut acuan sendiri (Nurul Hardeah Ahmad Sukiman, 3 Mac 2019). Malaysia dan rakyatnya sepatutnya mempunyai jati diri dengan membuktikan bahawa mendaulatkan bahasa Melayu tidak mengekang kemajuan negara kerana banyak negara yang mencapai status negara maju dengan mendaulatkan bahasa sendiri (BERNAMA, 22 Mei 2022).

Jadual 8: Saya tahu bahasa Melayu menjadi bahasa identiti negara Malaysia

	Pernyataan		Skala					Jumlah	Min	SP	Tahap
			1	2	3	4	5				
3	Saya tahu bahasa Melayu menjadi bahasa identiti negara Malaysia.	Kekerapan	1	0	3	25	71	100	4.650	0.642	Sangat Tinggi
		Peratusan (%)	1	0	3	25	71	100			

Skala:1 Sangat Tidak Setuju, 2 Tidak Setuju, 3 Kurang Setuju, 4 Setuju, 5 Sangat Setuju
 (Sumber: Ayu Nor Azilah dan Wayu Nor Asikin, 2022)

Jadual 8 menunjukkan dapatan kajian tentang saya tahu bahasa Melayu menjadi bahasa identiti negara Malaysia dengan 71 peratus sangat setuju. Min bagi jadual ini ialah 4.650 dengan sisihan piawaian 0.642 berada tahap sangat tinggi. Bahasa



merupakan satu entiti yang mewakili rakyat di sesebuah negara. Bahasa juga melambangkan identiti sesuatu bangsa yang boleh membentuk identiti nasional dan identiti budaya sesebuah negara. Ungkapan bahasa sebagai identiti nasional bermaksud bahasa Melayu dalam peranannya sebagai bahasa negara iaitu bahasa yang dikongsi bersama oleh seluruh warganya. Manakala ungkapan bahasa Melayu sebagai identiti budaya bermaksud bahasa merupakan cara hidup warganegara Malaysia (Mazlina Ahmad, 6 September 2021). Memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tidak akan menghilangkan identiti etnik sesuatu kaum. Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sama fungsinya dengan ikon yang melambangkan identiti negara seperti lagu kebangsaan dan bendera kebangsaan (Hafizah Iszahanid, 2 Oktober 2017).

Jadual 9: Saya faham bahasa Melayu lambang penyatuan suara rakyat Malaysia

	Pernyataan	Skala					Jumlah	Min	SP	Tahap	
		1	2	3	4	5					
4	Saya faham bahasa Melayu lambang penyatuan suara rakyat Malaysia.	Kekerapan	1	1	2	30	66	100	4.590	0.683	Sangat Tinggi
		Peratusan (%)	1	1	2	30	66	100			

Skala: 1 Sangat Tidak Setuju, 2 Tidak Setuju, 3 Kurang Setuju, 4 Setuju, 5 Sangat Setuju
 (Sumber: Ayu Nor Azilah dan Wayu Nor Asikin, 2022)

Jadual 9 menunjukkan dapatan saya faham bahasa Melayu lambang penyatuan suara rakyat Malaysia yang memperoleh min 4.590 dengan sisihan piawaian 0.683 berada tahap sangat tinggi. Terdapat dua orang responden yang Tidak Pasti, satu orang Tidak Setuju dan Sangat Tidak Setuju. Bahasa kebangsaan perlu dijadikan sebagai bahasa perpaduan dalam menyatukan masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Ungkapan 'bahasa jiwa bangsa' yang sering disebut-sebut pejuang bahasa kebangsaan di negara ini ada kebenarannya. Apabila sesuatu manusia itu fasih berbahasa kebangsaan di negaranya sedikit sebanyak dapat merapatkan perpaduan. Atas faktor itu apabila berada di UK atau di USA pun semua perlu berbicara dalam bahasa Inggeris walaupun di sana ada 'Chinatown'. Begitu juga bukan bumiputera di Kelantan dan Sabah yang jarang kedengaran konflik antara kaum. Jawapannya adalah bahasa seharian yang digunakan dalam komunikasi mereka. Cina Kelantan yang fasih berbahasa Melayu loghat Kelantan sudah tentu lebih mesra berdampingan dengan Melayu Kelantan. Manakala di Sabah pula semuanya dianggap 'Sabahan' jika mampu bertutur fasih dalam loghat negeri tersebut. Masyarakat terutama orang Melayu supaya lebih menghargai bahasa kebangsaan. Seharusnya orang Melayu sendiri perlu menghargai asal-usul nenek moyang mereka dengan tidak mencemari bahasa kebangsaan dengan istilah-istilah rojak atau mengikuti nada mereka yang tidak fasih berbahasa Melayu sebenar. Melayu perlu hargai peninggalan sejarah lama termasuk warisan pakaian, permainan,

seni dan adat selagi tidak bertentangan dengan Islam (yang tidak ditafsir secara tegar) bagi menjadi pejuang semangat kebangsaan demi perpaduan di negara ini (Nozina Yahaya, 01 September 2019).

Jadual 10: Saya tahu bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa perpaduan antara kaum di Malaysia

	Pernyataan		Skala					Jumlah	Min	SP	Tahap
			1	2	3	4	5				
5	Saya tahu bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa perpaduan antara kaum di Malaysia.	Kekerapan	1	0	4	30	65	100	4.580	0.669	Sangat Tinggi
		Peratusan (%)	1	0	4	30	65	100			

Skala: 1 Sangat Tidak Setuju, 2 Tidak Setuju, 3 Kurang Setuju, 4 Setuju, 5 Sangat Setuju
 (Sumber: Ayu Nor Azilah dan Wayu Nor Asikin, 2022)

Jadual 10 menunjukkan dapatan tentang satu tahu bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa perpaduan antara kaum di Malaysia. Terdapat satu orang (1 peratus) responden yang Sangat Tidak Setuju dengan pernyataan ini. Min yang diperoleh 4.580 dengan sisihan piawaian 0.669 dengan tahap sangat tinggi. Bahasa Melayu perlu dijadikan sebagai bahasa perpaduan dalam menyatukan masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia. Badan-badan yang dipertanggungjawabkan untuk memartabatkan bahasa Melayu perlu diberi ruang yang luas. Ini bagi memastikan bahasa Melayu dijadikan bahasa utama dalam setiap urusan seharian. Antaranya termasuklah penggunaan bahasa Melayu dalam urusan yang melibatkan urusan perundangan dan perdagangan. Selain itu, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berperanan dengan lebih peka dengan cara memberi penekanan agar nama-nama perumahan, kompleks membeli belah, nama jalan dan sebagainya menggunakan bahasa Melayu dengan menerapkan unsur tempatan. Ini bagi mengelakkan penggunaan bahasa yang bersifat kebaratan dan pengaruh luar (Asmahanim Amir, 2017).

Selain itu, bahasa kebangsaan berperanan penting apabila menjadi satu unsur perpaduan kebangsaan melalui pelaksanaannya sebagai bahasa perhubungan dalam kehidupan masyarakat pelbagai etnik seperti di Sabah. Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan merupakan satu alat yang boleh menyatupadukan masyarakat pelbagai etnik di Sabah. Hal ini kerana sebelum tahun 1963, terdapat pelbagai bahasa yang digunakan oleh setiap etnik di Sabah untuk tujuan bertutur atau berkomunikasi. Justeru itu, antara Langkah yang paling sesuai untuk membentuk perpaduan semangat kebangsaan dalam kalangan etnik di Sabah adalah melalui penggunaan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang sama iaitu bahasa Melayu. Ini selaras dengan hasrat kerajaan persekutuan yang menjadikan agenda kedaulatan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi penting untuk membina identiti Malaysia dan menyatupadukan berpuluh-puluh rumpun etnik di Sabah, Sarawak dan Semenanjung dengan satu *lingua franca* (Sharifah Darmia Binti Sharif Adam, 2019).



Jadual 11: Saya setuju bahasa Melayu berperanan sebagai lambang negara Malaysia di persada dunia

	Pernyataan	Skala					Jumlah	Min	SP	Tahap	
		1	2	3	4	5					
6	Saya setuju bahasa Melayu berperanan sebagai lambang negara Malaysia di persada dunia.	Kekerapan	1	0	3	36	60	100	4.540	0.658	Sangat Tinggi
		Peratusan (%)	1	0	3	36	60	100			

Skala: 1 Sangat Tidak Setuju, 2 Tidak Setuju, 3 Kurang Setuju, 4 Setuju, 5 Sangat Setuju
 (Sumber: Ayu Nor Azilah dan Wayu Nor Asikin, 2022)

Jadual 11 menghuraikan dapatan kajian tentang Saya setuju bahasa Melayu berperanan sebagai lambang negara Malaysia di persada dunia. Min diperoleh 4.540 dengan sisihan piawaian 0.658 berada tahap sangat tinggi. Contohnya, Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menegaskan akan terus memperkasakan bahasa Melayu dalam mana-mana pertemuan, mesyuarat dan persidangan antarabangsa mengikut kesesuaian. Sebagai langkah permulaan, Perdana Menteri Malaysia telah menggunakan bahasa Melayu semasa lawatan rasmi ke Indonesia, Brunei, Kemboja, Thailand dan Vietnam. Langkah dan usaha memartabatkan bahasa Melayu ini selari dengan salah satu daripada bidang keutamaan Kerangka Dasar Luar Malaysia yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Malaysia pada 07 Disember 2021. Perkara ini terangkum dalam Diplomasi Kebudayaan yang turut mengantarabangsakan bahasa Melayu di persada dunia (Ahmad Shaherman Shamsuri, 23 Mac 2022).

Pada masa ini jumlah penutur bahasa Melayu dalam pelbagai dialek di seluruh pelosok dunia mencecah 300 juta orang. Ini menjadikan bahasa Melayu termasuk dalam tujuh bahasa besar di dunia selain bahasa Russia, Arab, Sepanyol, Hindi, Inggeris dan Mandarin. Kebanyakan penutur berasal daripada rumpun Melayu selain terdapat diaspora yang membentuk komuniti Melayu seperti di Afrika Selatan, Sri Lanka, Amerika Syarikat (AS), Australia, United Kingdom (UK) dan Arab Saudi. Bagaimana pun, penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan rumpun Melayu sahaja tidak mampun mengangkat martabat bahasa itu menjadi bahasa antarabangsa. Usaha memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa perlu mengambil kira potensi bangsa lain yang berpeluang menguasai bahasa Melayu. Globalisasi yang melanda sejak awal abad ke-16 memberi kesan kepada bahasa Melayu dari segi peristilahan yang diubah, dicorak dan diperkaya tetapi tetap mengekalkan jati asalnya. Ini menunjukkan bahasa Melayu dinamik dan mudah dilentur sesuai peredaran zaman (Hasliza Hassan, 30 April 2018).

Jadual 12: Saya tahu sejarah bahasa Melayu menggantikan bahasa Inggeris dalam semua urusan kerajaan

	Pernyataan	Skala					Jumlah	Min	SP	Tahap	
		1	2	3	4	5					
7	Saya tahu sejarah bahasa Melayu menggantikan bahasa Inggeris dalam semua urusan kerajaan.	Kekerapan	0	4	26	38	32	100	3.980	0.864	Tinggi
		Peratusan (%)	0	4	26	38	32				

Skala: 1 Sangat Tidak Setuju, 2 Tidak Setuju, 3 Kurang Setuju, 4 Setuju, 5 Sangat Setuju
 (Sumber: Ayu Nor Azilah dan Wayu Nor Asikin, 2022)

Jadual 12 menunjukkan dapatan kajian tentang saya tahu sejarah bahasa Melayu menggantikan bahasa Inggeris dalam semua urusan kerajaan. Terdapat empat (4) orang responden yang Tidak Setuju dengan pernyataan ini. Seterusnya 26 orang responden (26 peratus) yang menyatakan Tidak Pasti. 38 orang responden yang Setuju dan hanya 32 orang responden yang Sangat Setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 3.980 dengan sisihan piawai 0.864 dengan tahap tinggi. Konsep memberikan taraf kebangsaan kepada bahasa Melayu itu jauh lebih luas dan mempunyai lebih banyak kesan daripada pengiktirafannya sebagai bahasa rasmi semata-mata. Salah satu kesan daripada meletakkan bahasa Melayu ke taraf bahasa kebangsaan ialah bahasa ini secara automatik menjadi bahasa perantaraan untuk digunakan dalam semua maksud rasmi dan bahasa semua bahasa lain, walaupun boleh diajar dan dipelajari, hanya boleh digunakan untuk tujuan 'selain daripada maksud rasmi.' Penggantian secara progresif penggunaan bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu dalam semua urusan kerajaan adalah akibat daripada peruntukan utama yang menjadikan bahasa Melayu sebagai 'bahasa kebangsaan bagi Persekutuan' (Mohd Salleh Abas, 2006).

Begitu juga dengan kedudukan sebagai bahasa rasmi bagi tujuan kerajaan sama ada kerajaan persekutuan mahupun kerajaan negeri dan termasuk apa-apa tujuan untuk sesuatu kuasa awam, hendaklah menggunakan bahasa Melayu kecuali atas beberapa perkara yang dibenarkan oleh undang-undang seperti yang termaktub dalam Seksyen 4, Akta Bahasa Kebangsaan. Antara pengecualian tersebut ialah bagi tujuan hubungan diplomatik dan latihan yang dijalankan oleh pakar-pakar asing. Seterusnya, perkara ini ditambah balgi dengan peruntukan di bawah Perkara 160B yang menjelaskan bahawa jika perlembagaan diterjemahkan ke dalam bahasa kebangsaan dan jika terdapat percanggahan teks terjemahan dengan teks dalam bahasa Inggeris, maka teks kebangsaan itu hendaklah mengatasi teks bahasa Inggeris (Nazri Muslim, Zaharah Hassan & Abdul Latif Samian, 2011).

Jadual 13: Saya tahu Stamford Raffles dan R. J. Wilkinson antara sarjana Bahasa Melayu ketika zaman penjajahan British



	Pernyataan		Skala					Jumlah	Min	SP	Tahap
			1	2	3	4	5				
8	Saya tahu Stamford Raffles dan R. J. Wilkinson antara sarjana Bahasa Melayu ketika zaman penjajahan British.	Kekerapan	1	3	49	30	17	100	3.590	0.842	Tinggi
		Peratusan (%)	1	3	49	30	17	100			

Skala: 1 Sangat Tidak Setuju, 2 Tidak Setuju, 3 Kurang Setuju, 4 Setuju, 5 Sangat Setuju
(Sumber: Ayu Nor Azilah dan Wayu Nor Asikin, 2022)

Jadual 13 menghuraikan dapatan kajian bagi pernyataan saya tahu Stamford Raffles dan R. J. Wilkinson antara sarjana Bahasa Melayu ketika zaman penjajahan British. Sejumlah 17 orang responden yang Sangat Setuju dan 30 orang responden yang Setuju dengan pernyataan ini. Akan tetapi majoriti responden iaitu 49 peratus (49 responden) yang menyatakan Tidak Pasti. Terdapat 3 orang responden yang Tidak Setuju dan satu orang responden yang Sangat Tidak Setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 3.590 dengan tahap tinggi. Pada zaman penjajahan British, penggunaan bahasa Melayu mulai merosot memandangkan bahasa Inggeris lebih diutamakan sama ada dalam bidang pentadbiran mahupun pendidikan. Walau bagaimanapun terdapat beberapa orang pegawai British yang berminat dengan keunikan bahasa Melayu dan secara tidak langsung mereka muncul sebagai sarjana bahasa Melayu. Antaranya ialah Stamford Raffles dan R. J. Wilkinson (Mardiana Nordin & Hasnah Hussiin, 2018).

Jadual 14: Saya tahu seseorang itu boleh dituduh melakukan kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948 sekiranya menggunakan isu bahasa dalam khalayak ramai.

	Pernyataan		Skala					Jumlah	Min	SP	Tahap
			1	2	3	4	5				
9	Saya tahu seseorang itu boleh dituduh melakukan kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948 sekiranya menggunakan isu bahasa dalam khalayak ramai.	Kekerapan	0	2	45	33	20	100	3.710	0.808	Tinggi
		Peratusan (%)	0	2	45	33	20	100			

Skala: 1 Sangat Tidak Setuju, 2 Tidak Setuju, 3 Kurang Setuju, 4 Setuju, 5 Sangat Setuju
(Sumber: Ayu Nor Azilah dan Wayu Nor Asikin, 2022)

Jadual 14 menunjukkan dapatan kajian bagi pernyataan saya tahu seseorang itu boleh dituduh melakukan kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948 sekiranya



menggunakan isu bahasa dalam khalayak ramai. Majoriti iaitu 45 orang responden menyatakan Tidak Pasti. Sejumlah 33 orang responden Setuju dan 20 orang responden memilih Sangat Setuju dengan pernyataan ini. Terdapat 2 orang responden yang Tidak Setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 3.710 dengan sisihan piawai 0.808 berada tahap tinggi. Akta Hasutan 1948 sebagaimana yang diperuntukkan oleh Ordinan Nombor 45 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1970 diwujudkan demi melindungi kedudukan bahasa Melayu termasuk bahasa-bahasa lain. Malah tidak ada sesiapa pun yang dilarang daripada menggunakan bahasa lain selain bahasa Melayu (Mardiana Nordin & Hasnah Hussin, 2018). Kedudukan bahasa Melayu ini semakin jelas dalam perlembagaan melalui Perkara 10 (4) yang menjadikan bahasa Melayu adalah antara perkara sensitif yang dilarang daripada dibahaskan di tempat terbuka atas tujuan keselamatan dan ketenteraman awam. Kedudukan ini juga begitu kukuh kerana tidak dapat dipinda oleh Parlimen jika tidak mendapat sokongan dua pertiga setiap dewan dan perkenan Majlis Raja-Raja melalui Perkara 159 (5) (Nazri Muslim, Zaharah Hassan & Abdul Latif Samian, 2011).

Jadual 15: Saya memahami Ordinan Pelajaran 1957 menjelaskan bahasa Melayu sebagai wadah untuk meningkatkan persefahaman perpaduan masyarakat majmuk

	Pernyataan		Skala					Jumlah	Min	SP	Tahap
			1	2	3	4	5				
10	Saya memahami Ordinan Pelajaran 1957 menjelaskan bahasa Melayu sebagai wadah untuk meningkatkan persefahaman perpaduan masyarakat majmuk.	Kekerapan	0	1	26	42	31	100	4.030	0.784	Tinggi
		Peratusan (%)	0	1	26	42	31	100			

Skala: 1 Sangat Tidak Setuju, 2 Tidak Setuju, 3 Kurang Setuju, 4 Setuju, 5 Sangat Setuju
 (Sumber: Ayu Nor Azilah dan Wayu Nor Asikin, 2022)

Jadual 15 menunjukkan dapatan kajian bagi saya memahami Ordinan Pelajaran 1957 menjelaskan bahasa Melayu sebagai wadah untuk meningkatkan persefahaman perpaduan masyarakat majmuk. Majoriti 42 orang responden Setuju dengan pernyataan ini dan 31 orang responden memilih Sangat Setuju. Terdapat 26 orang responden menyatakan Tidak Pasti dan hanya satu orang responden yang Tidak Setuju dengan pernyataan ini. Min bagi pernyataan ini ialah 4.030 dengan tahap tinggi. Permulaan, menjelang kemerdekaan Tanah Melayu, dasar pelajaran kebangsaan melalui Penyata Razak 1956 telah menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama untuk memupuk integrasi nasional dalam kalangan rakyat berbilang kaum (Ku Hasnita Ku Samsu, Adlina Ab Halim & Mohd Hafiz Sulaiman, 2013). Bagi

merealisasikan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan agen perpaduan negara, Penyata Razak telah dijadikan asas dalam Ordinan Pelajaran 1957. Laporan Penyata Razak 1956 telah digabungkan ke dalam Seksyen 3 daripada Ordinan Pelajaran 1957 untuk membekalkan asas kepada rangka pelajaran atau kemerdekaan Malaya yang akhirnya dikenali sebagai Malaysia. Laporan Razak merupakan tolak ansur di antara Laporan Barnes yang digemari oleh orang Melayu dan Laporan Fenn-Wu yang digemari oleh orang Cina dan India. Antara perkara penting yang dicadangkan adalah mewujudkan dua jenis sekolah rendah iaitu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) dan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar bagi SRJK. Terdahulu, Laporan Barnes telah diserahkan kepada undang-undang sebagai Ordinan Pelajaran 1957. Laporan Razak mengetengahkan bahasa Melayu sebagai medium bahasa yang utama di dalam pengajaran dan membenarkan pengekaln dalam menggunakan medium bahasa yang lain di sekolah (https://ms.wikipedia.org/wiki/Penyata_Razak_1956).

Jadual 16: Saya setuju bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan

	Pernyataan		Skala					Jumlah	Min	SP	Tahap
			1	2	3	4	5				
11	Saya setuju bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan.	Kekerapan	1	1	8	30	60	100	4.470	0.771	Sangat Tinggi
		Peratusan (%)	1	1	8	30	60	100			

Skala: 1 Sangat Tidak Setuju, 2 Tidak Setuju, 3 Kurang Setuju, 4 Setuju, 5 Sangat Setuju
 (Sumber: Ayu Nor Azilah dan Wayu Nor Asikin, 2022)

Jadual 16 menghuraikan dapatan kajian bagi saya setuju bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan. Majoriti iaitu 60 orang responden Sangat Setuju dengan pernyataan ini. Manakala 30 orang responden memilih Setuju. Akan tetapi terdapat 8 orang responden yang menyatakan Tidak Pasti. Terdapat satu orang responden yang Tidak Setuju dan Sangat Tidak Setuju. Semenjak awal selepas kemerdekaan lagi terdapat penetapan bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara. Bermula dengan kewujudan Akta Pelajaran 1961 yang memperakukan dua jenis sekolah menengah dalam sistem pendidikan kebangsaan. Pertama, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Sekolah ini mengajar bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib, Manakala bahasa Cina dan Tamil diajar sebagai mata pelajaran hanya apabila mendapat permintaan daripada 15 orang ibu bapa pelajar. Kedua, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Para pelajar didedahkan dengan bahasa Melayu sebagai mata pelajaran wajib. Manakala pengajaran bahasa Cina dan Tamil akan diajar sekiranya mendapat permintaan (Tan Yao Sua, 2012).



Statusnya sebagai bahasa pribumi menyerlahkan kedudukannya untuk menyatupadukan rakyat Malaysia yang berasal daripada pelbagai kaum. Menyedari hakikat ini, bahasa Melayu menjadi pilihan tepat untuk dijadikan bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara, sekali gus membangkitkan aura dalam memupuk semangat kebangsaan antara pelbagai kaum (Abang Sallehuddin Abg Shokeran, 23 Julai 2019).

Jadual 17: Saya setuju bahasa Melayu digunakan dalam komunikasi harian antara etnik di Malaysia

	Pernyataan	Skala					Jumlah	Min	SP	Tahap	
		1	2	3	4	5					
12	Saya setuju bahasa Melayu digunakan dalam komunikasi harian antara etnik di Malaysia.	Kekerapan	1	0	5	33	61	100	4.530	0.688	Sangat Tinggi
		Peratusan (%)	1	0	5	33	61	100			

Skala: 1 Sangat Tidak Setuju, 2 Tidak Setuju, 3 Kurang Setuju, 4 Setuju, 5 Sangat Setuju
 (Sumber: Ayu Nor Azilah dan Wayu Nor Asikin, 2022)

Jadual 17 di atas menunjukkan dapatan kajian bagi saya setuju bahasa Melayu digunakan dalam komunikasi harian antara etnik di Malaysia. Majoriti iaitu 61 orang responden Sangat Setuju dan 44 orang responden menyatakan Setuju dengan pernyataan ini. Namun begitu, terdapat 5 orang responden yang Tidak Pasti dan satu orang memilih Sangat Tidak Setuju dengan pernyataan ini. Min ialah 4.530 dengan sisihan piawaian 0.688 dengan tahap sangat tinggi. Secara jelas peranan bahasa Melayu adalah untuk tujuan komunikasi. Ini membolehkan rakyat berhubungan antara satu sama lain bagi yang menggunakannya. Dalam hal ini, kecekapan dalam bahasa Melayu tidak penting. Yang diutamakan ialah bahasa Melayu digunakan itu berjaya memenuhi tujuan komunikasi yang disifatkan sudah terlaksana dari segi berkongsi mesej antara penyampai dan penerima. Ini menjadikan bahasa Melayu berjaya menjadi wahana interaksi antara kaum apabila digunakan antara penutur Melayu dengan bukan Melayu (Teo Kok Seong, 29 Januari 2015).

Sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi, bahasa Melayu adalah bahasa yang wajib dituturkan seluruh rakyat Malaysia. Bahasa Melayu mewakili setiap rakyat Malaysia sama ada yang berbangsa Melayu atau bukan Melayu. Walau pun kita perlu menghormati dan menggunakan bahasa Melayu, kita tidak pernah memaksa penutur sesuatu bahasa ibunda atau etnik itu melupakan bahasa mereka sendiri. Kita agak kecewa apabila terdapat kajian menunjukkan generasi muda daripada kaum tertentu masih tidak mampu bertutur bahasa Melayu yang sudah diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan dengan baik sama ada dalam perbualan seharian atau ketika berada di sekolah. Kefasihan itu soal kedua, namun persoalan pokok yang ditekankan ialah keinginan dan kemampuan mereka untuk bertutur dalam bahasa kebangsaan (Abang Sallehuddin Abg Shokeran, 23 Julai 2019).



Jadual 18: Saya tahu Bahasa Melayu menjadi bahasa *lingua franca* ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15

	Pernyataan		Skala					Jumlah	Min	SP	Tahap
			1	2	3	4	5				
13	Saya tahu Bahasa Melayu menjadi bahasa <i>lingua franca</i> ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15.	Kekerapan	1	0	11	46	42	100	4.280	0.740	Sangat Tinggi
		Peratusan (%)	1	0	11	46	42	100			

Skala: 1 Sangat Tidak Setuju, 2 Tidak Setuju, 3 Kurang Setuju, 4 Setuju, 5 Sangat Setuju
 (Sumber: Ayu Nor Azilah dan Wayu Nor Asikin, 2022)

Jadual 18 menghuraikan dapatan kajian tentang saya tahu Bahasa Melayu menjadi bahasa *lingua franca* ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15. Sejumlah 46 orang responden yang memilih Setuju dan 42 orang responden yang Sangat Setuju dengan pernyataan ini. Terdapat 11 peratus yang Tidak Pasti dan satu orang responden yang Sangat Tidak Setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 4.280 dengan tahap sangat tinggi. Bahasa Melayu digunakan untuk menyebarkan agama Islam di pelbagai tempat di alam Melayu terutama di jalur pelabuhan perdagangan rempah dari Melaka ke selatan menuju ke Jawa Timur dan Tengah di kota Gresik Japara, ke Makassar di Sulawesi Selatan membawa ke kepulauan Maluku. Peranan bahasa Melayu sebagai bahasa perdagangan pada zaman kerajaan Melaka membuktikan bahawa bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa *lingua franca* (Hanis Izrin Mohd Hassan, Siti Mahani Angterian, Mohd Sharifudin Yusop. 2017).

Sejarah pernah mencatatkan bahasa Melayu pernah menjadi bahasa *lingua franca* (bahasa perantaraan) pada zaman kegemilangan Melaka sebagai pusat perdagangan dan pelabuhan terkenal pada abad ke-15. Ramai pedagang dari seluruh dunia seperti Timur Tengah, Arab, India, China, Inggeris, Portugis, Belanda, Sepanyol, Jawa, dan Bugis datang berdagang dan telah mewujudkan masyarakat majmuk di Melaka pada masa itu. Pada masa itulah bahasa Melayu telah menjadi bahasa komunikasi dalam kalangan pedagang berkenaan. Hal ini kerana bahasa Melayu mudah difahami dan juga bahasa dinamik yang banyak meminjam daripada perkataan bahasa lain seperti bahasa Arab, Jawa dan Inggeris (Juliana Osong, George, T., Tengku Zahiri Tengku Abd Wahab, t.t.).



Jadual 19: Saya tahu Bahasa Melayu termaktub dalam Perkara 152 mengikut Perlembagaan Persekutuan Malaysia

	Pernyataan		Skala					Jumlah	Min	SP	Tahap
			1	2	3	4	5				
14	Saya tahu Bahasa Melayu termaktub dalam Perkara 152 mengikut Perlembagaan Persekutuan Malaysia.	Kekerapan	1	1	12	36	50	100	4.330	0.805	Sangat Tinggi
		Peratusan (%)	1	1	12	36	50	100			

Skala: 1 Sangat Tidak Setuju, 2 Tidak Setuju, 3 Kurang Setuju, 4 Setuju, 5 Sangat Setuju
 (Sumber: Ayu Nor Azilah dan Wayu Nor Asikin, 2022)

Jadual 19 menunjukkan dapatan kajian saya tahu Bahasa Melayu termaktub dalam Perkara 152 mengikut Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Majoriti responden iaitu 50 orang memilih Sangat Setuju dan 36 orang responden memilih setuju dengan pernyataan ini. Terdapat 12 orang responden yang Tidak Pasti dan satu orang responden memilih skala Tidak Setuju serta Sangat Tidak Setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 4.330 dengan 0.805 sisihan piawai berada tahap sangat tinggi. Fasal 152, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dan Perlembagaan Malaysia 1963, disebutkan bahawa, 'bahasa kebangsaan adalah bahasa Melayu dan akan kekal seperti itu seperti yang diperuntukkan oleh Parlimen, dengan bahawa (a) tidak ada seseorang pun yang akan dihalang dari menggunakan (kecuali hal-hal rasmi), atau mengajar atau mempelajari bahasabahasa lain dan (b) tidak ada sebarang peruntukan dalam fasal ini yang boleh mengganggu hak kerajaan Persekutuan atau sebarang kerajaan negeri untuk memelihara dan memperkembangkan penggunaan dan pengkajian bahasa komuniti lain' (Malaysia, 1972 dan Ramlah Adam & Mohd Kasturi Nor Abd Aziz).

Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi yang digunakan oleh masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik. Pada masa ini, bahasa Melayu merupakan salah satu antara bahasa utama Asia Tenggara kerana bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi atau bahasa kebangsaan bagi empat buah negara iaitu Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei Darussalam (Amat Jauhari Moain, 1989). Keempat-empat negara ini mempunyai jumlah penduduk melebihi 300 juta orang. Jumlah penduduk Indonesia sahaja iaitu pada tahun 2020 berjumlah lebih 271 juta orang. Bahasa Melayu merupakan salah satu cabang daripada keluarga besar bahasa Austronesia. Keluarga bahasa Austronesia itu terbahagi kepada empat cabang iaitu Atayalic, Tsouic, Paiwanic dan Malayo-Polinesia. Sejarah juga telah membuktikan bahawa bahasa Melayu telah muncul sebagai bahasa yang berwibawa dan diterima umum di kepulauan Melayu berbanding dengan ratusan bahasa Nusantara yang juga berasal daripada bahasa Austronesia (Nazri Muslim & Otong Rosadi, 2021).



KESIMPULAN

Kesimpulannya ialah kepentingan mengetahui sejarah bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan boleh menyemai patriotisme dalam diri semua warga Malaysia. Hasil dapatan kajian menjelaskan bahawa tahap pengetahuan dan pemahaman mahasiswa terhadap Perkara 152 berada tahap sangat tinggi dengan min keseluruhan ialah 4.357 serta sisihan piawai 0.724. Seterusnya, bahasa Melayu berperanan dalam membina hubungan komunikasi yang baik antara satu masyarakat Melayu dengan bukan Melayu yang ternyata berbeza agama, bahasa dan budaya. Pemahaman terhadap keperluan menggunakan bahasa Melayu dengan baik dan betul berupaya mengelakkan terjadinya pertuturan bahasa rojak yang boleh mencalar bahasa Melayu. Sedangkan kenyataannya bahasa Melayu mencerminkan jati diri penuturnya dan menjadi lambang negara Malaysia. Malah bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan menjamin sebuah negara Malaysia yang berdaulat. Pemahaman dan pengetahuan bahasa Melayu dalam jiwa mahasiswa penting kerana generasi ini cerminan kepimpinan negara pada masa depan serta demi kelangsungan bahasa kebangsaan negara. Benarlah slogan 'bahasa jiwa bangsa.'

RUJUKAN

- Abang Sallehuddin Abg Shokeran. 23 Julai 2019. Pulih keyakinan terhadap bahasa Melayu. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2019/07/588137/pulih-keyakinan-terhadap-bahasa-melayu>. Dirujuk pada 25 Julai 2022.
- Abdullah Sani Yahaya. 2003. *Perkembangan pendidikan di Malaysia*. Bentong, Pahang: PTS Pub. & Distributor Sdn. Bhd.
- Adnan Hj. Nawang. 2003. *Memoir Za'ba*, Ipoh: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ahmad Shaherman Shamsuri. 23 Mac 2022. Bahasa Melayu akan terus diperkasa di peringkat antarabangsa- PM. <https://www.kosmo.com.my/2022/03/23/bahasa/>. Dirujuk pada 25 Julai 2022.
- Asmahanim Amir, 2017. Jadikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Perpaduan Satukan Masyarakat Malaysia – Dato' Seri Mohd Najib. https://www.ukm.my/news/Latest_News/jadikan-bahasa-melayu-sebagai-bahasa-perpaduan-satukan-masyarakat-malaysia-dato-seri-mohd-najib/
- BERNAMA. 22 Mei 2022. Bahasa Melayu 'lingua franca': Kerjasama ASEAN perlu perancangan rapi. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/05/958086/bahasa-melayu-lingua-franca-kerjasama-asean-perlu-perancangan-rapi>. Dirujuk pada 28 Julai 2022.
- Hafizah Iszahanid. 2 Oktober 2017. Bahasa Melayu tentukan identiti bangsa Malaysia.



<https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2017/10/332794/bahasa-melayu-tentukan-identiti-bangsa-malaysia>. Dirujuk pada 25 Julai 2022.

Hanis Izrin Mohd Hassan, Siti Mahani Angterian, Mohd Sharifudin Yusop. 2017. Kegemilangan bahasa Melayu sebagai lingua franca. *Jurnal Kesidang Journal of Kesidang Volume 2: 18- 30*.

Hasliza Hassan. 30 April 2018. Martabatkan bahasa Melayu ke peringkat antarabangsa. <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2018/04/418798/martabatkan-bahasa-melayu-ke-peringkat-antarabangsa>. Dirujuk pada 20 Ogos 2022.

<https://hariinidalamsejarah.com/peristiwa/detail/5530-bahasa-melayu-diisytihar-sebagai-bahasa-rasmi-negara.html>. Dirujuk pada 25 Julai 2022.

https://ms.wikipedia.org/wiki/Bahasa_Melayu_Malaysia. Dirujuk pada 13 Ogos 2022.

https://ms.wikipedia.org/wiki/Penyata_Razak_1956. Dirujuk pada 20 Ogos 2022.

Juliana Osong, George, T., Tengku Zahiri Tengku Abd Wahab. t.t. Cabaran bahasa Melayu untuk menjadi bahasa dunia. https://www.academia.edu/35449924/CABARAN_BAHASA_MELAYU_UNTUK_MENJADI_BAHASA_DUNIA. Dirujuk pada 20 Ogos 2022.

Ku Hasnita Ku Samsu, Adlina Ab Halim & Mohd Hafiz Sulaiman. 2013. Keupayaan Bahasa Melayu di Persada Antarabangsa. *International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN)* 1(1), 2013: 55-65.

Mardiana Nordin & Hasnah Hussiin. 2018. *Pengajian Malaysia Edisi Keenam*. Selangor: Oxford Fajar.

Malaysia. 2017. Jabatan Penerangan Malaysia.

Malaysia. 1972. *Perlembagaan Persekutuan (Terj.)*. Jabatan Peguam Negara, Jabatan Cetak Kerajaan. Kuala Lumpur.

Mazlina Ahmad, 6 September 2021. <https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2021/09/06/bahasa-melayu-sebagai-identiti-budaya-masyarakat/>

Mohd Salleh Abas (Dikemaskini oleh) Haji Salleh Buang. 2006. *Prinsip Perlembagaan & Pemerintahan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nazri Muslim, Zaharah Hassan & Abdul Latif Samian. 2011. Bahasa Melayu Dalam Perlembagaan Persekutuan: Kedudukan Dan Peranannya Dalam Konteks Komunikasi Perpaduan. *Sari - International Journal Of The Malay World And Civilisation* 29(1) (2011): 103 - 120 103.



- Nazri Muslim & Otong Rosadi. 2021. Peranan Bahasa dalam Pembinaan Negara Bangsa di Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 9(2), 2021: 79 - 89 (<https://doi.org/10.17576/jatma-2021-0902-08>).
- Nurul Hardeah Ahmad Sukiman. 03 Mac 2019. Bahasa Melayu bahasa rakyat Malaysia. <https://www.sinarharian.com.my/article/15938/KHAS/Pendapat/Bahasa-Melayu-bahasa-rakyat-Malaysia>. Dirujuk pada 25 Julai 2022.
- Nozina Yahaya. 01 September 2019. Bahasa kebangsaan satukan pelbagai kaum. <https://www.sinarharian.com.my/article/45872/BERITA/Nasional/Bahasa-kebangsaan-satukan-pelbagai-kaum>. Dirujuk pada 25 Julai 2022.
- Ramlah Adam dan Mohd Kasturi Nor Abd Aziz. t.t. *Pendaulatan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Ilmu Di Malaysia: Sejarah dan Kedudukan Masa Kini*. Pengarah Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia (PKIRM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Felo Penyelidik PKIRM/Pensyarah PTKPI, UniMAP.
- Sharifah Damia Sharif Adam. 2014. Cabaran dan reaksi pelaksanaan bahasa kebangsaan dalam bidang pentadbiran dan pendidikan di Malaysia, 1957-1966. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 134 (2014)305-315.
- Sharifah Darmia Binti Sharif Adam. 2019. Peranan dan Cabaran Bahasa Kebangsaan dalam Menyatupadukan Pelbagai Etnik di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 4, Issue 4, (page 1 - 11), 2019.
- Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Adlina Ab Halim, Ku Hasnita Ku Samsu. 2017. Pengukuran Tahap Pemartabatan Bahasa Kebangsaan dalam kalangan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi. *GEMA Online: Journal of Language Studies* Volume 17(2), May 2017.
<http://doi.org/10.17576/gema-2017-1702-07> eISSN: 2550-2131 ISSN: 1675-8021 105.
- Tan Yao Sua. 2012. Dasar bahasa dalam sistem pendidikan. *PEMIKIR*. Jan-Mac 2012: 59-70.
- Teo Kok Seong. 29 Januari 2015. Bahasa Melayu bukan sekadar alat komunikasi. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2015/01/32115/bahasa-melayu-bukan-sekadar-alat-komunikasi>. Dirujuk pada 25 Julai 2022.
- Tschannen-Moran, M. & Gareis, C.R., (2004). Principle's Sense of Efficacy: Assessing a Promising Construct. *Journal of Educational Administration*. 42(5), 573-585
- Za'ba, "bahasa kebangsaan Malaya Sa-Lepas Merdeka," April 1956, (SP 18/2C/8), Arkib Negara Malaysia.